

Penyampai : TAN SRI DATO SERI AHMAD SARJI BIN ABDUL HAMID
Tajuk : MAJLIS PERASMIAN BANGUNAN IKIM
Lokasi : IKIM, KUALA LUMPUR
Tarikh : 24-03-1994

Pertama sekali, di pagi yang penuh bersejarah ini, saya mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan kedatangan Y.A.B. Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri dan bagi pihak keluarga IKIM mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Y.A.B. Dato Seri diatas kesudian merasmikan bangunan IKIM ini.

2. IKIM yang telah ditubuhkan pada 18 Februari 1992, telah diberi peranan memberi kefahaman yang betul mengenai Islam dan memperbetulkan pandangan serta gambaran yang negatif terhadap Islam. Semenjak tarikh itu, IKIM telah menjalankan berbagai aktiviti untuk mencapai objektifnya iaitu melalui penyelidikan, penerbitan dan perbincangan-perbincangan di persidangan, seminar, dialog dan sebagainya. Untuk itu, setinggi penghargaan diucapkan kepada semua pihak yang telah banyak membantu menyumbangkan tenaga untuk memperkenalkan IKIM, dan menyampaikan maklumat tentang matlamat IKIM kepada masyarakat dan negara.

3. IKIM amat mengalu-alukan kerjasama yang diberi oleh RTM dan TV3 yang telah banyak membantu memperkenalkan IKIM di mata dunia. Satu ruangan khas dengan kerjasama RTM telah diadakan berbentuk forum khas. Forum IKIM disiarkan sebulan sekali dan antara topik-topik yang telah dibincangkan adalah:

- (i) Perpaduan Kaum : Agama Memainkan Peranan Penting
- (ii) Negara Maju Berdasarkan Sistem Nilai
- (iii) Budaya Bersama Rakyat Malaysia
- (iv) Keluarga Penyayang Dari Perspektif Agama
- (v) Kerjasama Perniagaan Diantara Kaum
- (vi) Islam And Industrialisation
- (vii) The Image of Muslims In The Modern World, Islam and Muslim Intellectuals
- (viii) Islam Amidst The Changing World Order
- (ix) Developments In The Middle East And The Implications On The Islamic World; dan
- (x) Coping With Modernization : An Islamic Perspective Forum IKIM di RTM ini masih diteruskan dan disiarkan setiap bulan oleh RTM.

4. Pegawai-pegawai Penyelidik IKIM diberi peluang untuk memuatkan rencana mereka di dalam akhbar-akhbar utama dalam Bahasa Melayu, Inggeris dan Cina. Sebanyak 189 buah artikel telah diterbitkan oleh akhbar-akhbar tempatan. The New Straits Times menerbitkan rencana IKIM pada hari Sabtu, The Star dan Shin Min Daily News pada setiap hari Selasa dan Utusan Malaysia serta Berita Harian menyiarkan artikel IKIM pada setiap hari Jumaat. Pada setiap hari Ahad, akhbar Berita Minggu menyediakan ruangan Soal Jawab Bersama IKIM.

5. Penyertaan para sarjana Islam dan bukan Islam di dalam seminar juga amat menggalakkan. Setakat ini, sudah 34 buah seminar, bengkel, persidangan, konvensyen serta dialog telah dijalankan samada secara persendirian ataupun usahasama dengan agensi-agensi Kerajaan, SEDC serta universiti-universiti dari dalam dan luar negara. Antara tema- tema yang telah dibincangkan adalah:-

- (i) The Muslim Ummah : Challenges In The 21st Century
- (ii) Islam And Industrialisation
- (iii) Islam's Contribution Towards Achieving The Objectives Of Vision 2020
- (iv) Islam and Justice
- (v) Understanding Islam For The Mass Media
- (vi) The Role and Influence Of Religions In Society
- (vii) Islam And Its World View : An American Perception
- (viii) Islamic Intellectual Writing
- (ix) Assimilation of Values In The Development Of Science Technology
- (x) The Revolution of Knowledge : Towards Reviving The Image Of The Ummah
- (xi) Towards Enhancing Working Relations In Multi-Cultural Society 6. IKIM juga ada menjalinkan hubungan yang baik dengan institusi 'think-tank' di luar negara dengan menandatangani Memorandum of Understanding. Antara institusi-institusi tersebut ialah:-

- (i) International Institute of Islamic Thought (IIIT) - U.S.A.
- (ii) Research Centre For Islamic History, Art and Culture (IRCICA) - Turkey; dan
- (iii) Foundation For Research In Islamic Science - Turkey 7. Setakat ini, para penyelidik telah berjaya menyiapkan 20 naskah buku untuk diedarkan di dalam dan di luar negara.

12 buah buku baru adalah diterbitkan bersempena dengan majlis pelancaran Bangunan IKIM pada hari ini yang juga akan dilancarkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri. Tajuk-tajuk buku itu adalah seperti berikut:-

- (i) The Living IKIM
- (ii) Ilmu dan Kecemerlangan Dari Perspektif Islam
- (iii) The Role and Influence of Religion in Society
- (iv) Islamic Values and Management
- (v) An Inspiration the Future of Islam
- (vi) Asas-asas Masyarakat Cemerlang
- (vii) Persoalan Islam dan Isu Semasa
- (viii) Towards A Positive Islamic World-View : Malaysian and American Perceptions
- (ix) Heaven and Earth : The Human Factor
- (x) Visi IKIM
- (xi) Perspektif IKIM

(xii) Jurnal IKIM 8. Hari ini adalah merupakan hari paling gembira ataupun `double joy' kepada kami di IKIM oleh kerana Y.A.B. Perdana Menteri telah sudi merasmikan Bangunan IKIM dan sekaligus melancarkan buku-buku keluaran terbaru IKIM. Terima kasih sekali lagi diucapkan kepada YAB Perdana Menteri oleh kerana telah memberikan tapak kepada kami untuk membina bangunan yang sungguh indah ini serta para penderma yang telah bermurah hati menyumbangkan wang untuk kegunaan IKIM.

9. Dengan ini, saya dengan amat sukacita dan dengan segala hormatnya mempersilakan Y.A.B. Perdana Menteri untuk menyampaikan ucap utama serta merasmikan Bangunan IKIM dan sekaligus melancarkan 12 buah buku keluaran IKIM.

Dipersilakan.